

**PEPERIKSAAN SIJIL PENDIDIKAN MAKTAB RENDAH SAINS MARA****PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1 2018****Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan  
(30 markah)****Perincian Pemarkahan Bahagian A**

Karangan berdasarkan bahan rangsangan

1. Pemeriksa akan memeriksa karangan secara holistik dengan berpandukan kriteria yang ditetapkan.
2. Karangan dinilai dari segi pendahuluan, perenggan isi dan penutup. Calon mestilah mengemukakan sekurang-kurangnya tiga isi.
3. Markah karangan akan dinilai oleh pemeriksa secara holistik. Langkah-langkah yang dilakukan semasa pemeriksaan adalah seperti yang berikut:
  - a. Pemeriksa akan membaca karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya. Selepas itu, pemeriksa akan menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
  - b. Selepas itu, pemeriksa akan membaca karangan tersebut untuk kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-penskoran.
  - c. Karangan yang kurang daripada 200 patah perkataan akan diperiksa seperti biasa oleh pemeriksa. Namun demikian, markah keseluruhan akan terjejas disebabkan calon tidak dapat memenuhi kehendak soalan, iaitu karangan perlu ditulis antara 200 hingga 250 patah perkataan.

## PENSKORAN KARANGAN BAHAGIAN A

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan.</li> <li>Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca <b>betul</b> dan <b>tepat</b>. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata <b>luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>Wacannya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan <b>bervariasi</b> dan menggunakan <b>ungkapan yang menarik</b>.</li> <li>Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan <b>jelas</b> dan <b>matang</b>.</li> </ul>
Kepujian	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan.</li> <li>Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca <b>betul</b> dan <b>tepat</b>. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata <b>luas</b>.</li> <li>Wacannya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan <b>bervariasi</b>.</li> <li>Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan <b>jelas</b>.</li> </ul>
Memuaskan	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Karangan <b>masih menepati</b> tema bahan rangsangan. Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca <b>masih betul</b> dan <b>tepat</b>. Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat <b>kesalahan ejaan yang ketara</b>. Penggunaan kosa kata <b>terhad</b>.</li> <li>Wacannya <b>masih</b> lengkap. Unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>Idea <b>masih</b> relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea <b>masih jelas</b>.</li> </ul>
Kurang Memuaskan	10 -14 (12 – 14) (10 – 11)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Karangan <b>kurang menepati</b> tema bahan rangsangan.</li> <li>Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat. <b>Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara</b>. Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat <b>kesalahan ejaan yang ketara</b>. Penggunaan kosa kata <b>terhad</b>.</li> <li>Wacana <b>kurang</b> lengkap. Unsur bahasa <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>Idea <b>kurang</b> relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea <b>kurang jelas</b>.</li> </ul>
Pencapaian Minimum	01 – 09 (06 – 09) (01 – 05)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li>Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.</li> <li>Idea <b>tidak menepati</b> tema bahan rangsangan.</li> </ul>

**Perlu diberi perhatian**

1. Adakah calon menjawab tugasan? (tema)
2. Adakah idea calon relevan mengikut tugasan?
3. Adakah penggunaan bahasa calon lancar, bervariasi dan mempunyai ungkapan?

Catatan :

- Tiada pemotongan markah bagi setiap kesalahan ejaan.
- Calon digalakkan menggunakan ungkapan menarik (peribahasa, kata-kata hikmat, petikan hadis, slogan, petikan ucapan, pantun, maksud al-Quran dan sebagainya).

**Koleksi [www.bmspm.net](http://www.bmspm.net)**

## SOALAN :

Gambar di bawah menunjukkan aplikasi perniagaan dalam talian.  
Huraikan pendapat anda tentang kebaikan aplikasi perniagaan dalam talian. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Format penulisan komen:  
T - menepati tugasan  
I - relevan, huraian jelas  
B - gramatis, kosa kata luas

Tugasan: Diharap calon dapat menghuraikan kebaikan aplikasi perniagaan dalam talian.

1. Karangan hendaklah diperiksa seperti biasa sekiranya calon menjawab seperti berikut:
  - 1.1 Semua idea daripada bahan rangsangan
  - 1.2 Sebahagian idea daripada bahan rangsangan
  - 1.3 Gabungan daripada idea bahan rangsangan dan idea sendiri
2. Karangan yang melebihi 250 patah perkataan, diperiksa seperti biasa.
3. Karangan yang kurang daripada 200 patah perkataan, diperiksa seperti biasa tetapi 'impression' turun.
  - i. Pelbagai pilihan produk
  - ii. Menjimatkan kos dan masa.
  - iii. Pasaran global.
4. Sekiranya calon menambahkan isi keempat dan berkaitan dengan kebaikan aplikasi perniagaan dalam talian, isi tersebut boleh diterima.
5. Sekiranya calon tidak mengambil langsung isi yang diberikan, maksimum peringkat Kepujian (20-25).
6. Sekiranya calon menggabungkan idea bahan rangsangan dan idea sendiri, periksa seperti biasa dan layak diberikan Cemerlang (26-30).
7. Dalam konteks penandaan, pemeriksa boleh mengabaikan arahan panjang karangan antara 200 hingga 250 patah perkataan, sebaliknya berpegang pada masa menjawab 45 minit kerana kita tidak mahu menyekat daya kreativiti calon di samping memberikan keyakinan kepada calon yang tidak mempunyai kemampuan untuk menulis dengan lebih panjang.
8. Karangan yang kurang daripada 200 patah perkataan, diperiksa seperti biasa tetapi 'impression' turun.

Koleksi www.bmspm.net

9. Contoh penulisan komen:

9.1 Cemerlang (27 markah)

- T - Karangan menepati tugasan.  
I - Idea relevan dan idea dihuraikan dengan jelas serta matang.  
B - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa kata luas dan tepat.

9.2 Kepujian (24 markah)

- T - Karangan menepati tugasan.  
I - Idea relevan dan dihuraikan dengan jelas.  
B - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa kata luas.

9.3 Memuaskan (17 markah)

- T - Karangan masih menepati tugasan.  
I - Idea masih relevan dan huraian idea masih jelas. Huraian idea masih tersusun dan berfokus.  
B - Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa kata umum.

9.4 Kurang Memuaskan (11 markah)

- T - Karangan kurang menepati tugasan.  
I - Idea kurang relevan dan huraian idea kurang jelas.  
B - Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa kata terhad.

9.5

Pencapaian Minimum (07 markah)

- T - Kurang menjawab tugasan.  
I - Kurang relevan, huraian tidak jelas, contoh tidak sesuai.  
B - Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.

## PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1 – KARANGAN BAHAGIAN B

**Bahagian B: Karangan Respons Terbuka  
[100 markah]****Cara Pemeriksaan :**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan :
  - a) Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa.
  - b) Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan.
3. Kesalahan format hendaklah ditolak maksimum 2 markah.
4. Kesalahan ejaan hendaklah ditolak  $\frac{1}{2}$  markah dan pemotongan maksimum ialah sebanyak 3 markah. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
5. **Markah bersih / muktamad** itu hendaklah ditulis di penjuru atas sebelah kanan pada halaman pertama karangan. Markah itu hendaklah dikepung dengan bulatan apabila markah itu sudah dicatat dalam buku markah.

Bahagian A - 27 markah      **Koleksi www.bmspm.net**

Bahagian B - 80 markah

**Jumlah            107 markah**

Pemeriksa hendaklah memberi komen sekiranya perlu pada karangan yang diperiksa.

6. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

(       )                          = Kesalahan isi

\_\_\_\_\_                                  = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/    = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

//    = Kesalahan ejaan yang berulang

    = Kesalahan tanda baca

### KRITERIA DAN DESKRIPSI

KRITERIA	DESKRIPSI
BAHASA (Mekanis)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kegramatisan           <ul style="list-style-type: none"> <li>- kata (morfologi)</li> <li>- ayat (sintaksis)</li> </ul> </li> <li>• Tanda baca</li> <li>• Ejaan</li> </ul>
LARAS (Dinamis)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilihan kosa kata</li> </ul>
IDEA (ISI)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tema</li> <li>• Isi utama</li> <li>• Pengembangan (huraian / bahasa / hujahan / contoh)</li> <li>• Kerelevan</li> </ul>
PENGOLAHAN	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wacana</li> <li>• Logik</li> <li>• Pemerengganan</li> <li>• Format</li> </ul>
GAYA BAHASA	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keindahan bahasa           <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ungkapan</li> <li>• Peribahasa</li> </ul> </li> </ul>

**Koleksi: www.bmspm.net**

## PENSKORAN KARANGAN BAHAGIAN B

PERINGKAT/ MARKAH	KRITERIA
<b>CEMERLANG</b> <b>80 – 100</b>  A - (90 – 100) B - (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea relevan mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li>• Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat.</li> <li>• Penggunaan kosa kata luas dan tepat.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca betul.</li> <li>• Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis.</li> <li>• Laras bahasa sesuai dengan tugasan.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa bervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> <li>• Pengolahan sangat menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai.</li> <li>• Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> </ul>
<b>KEPUJIAN</b> <b>66 – 79</b>  A - (73 – 79) B - (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea yang relevan mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li>• Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat.</li> <li>• Penggunaan kosa kata luas dan tepat.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca betul.</li> <li>• Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>• Laras bahasa sesuai dengan tugasan.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> <li>• Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai.</li> <li>• Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> </ul>

SULIT

PERINGKAT/ MARKAH	KRITERIA
<b>BAIK</b> <b>51 – 65</b>  A - (58 – 65) B - (51 – 57)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea masih relevan mengikut tugasan, huraihan isi masih jelas dan contoh masih sesuai.</li> <li>• Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai.</li> <li>• Penggunaan kosa kata umum.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca masih betul.</li> <li>• Penggunaan pelbagai ayat gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>• Laras bahasa sesuai mengikut tugasan.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.</li> <li>• Pengolahan masih menarik, dan pemerengganan masih sesuai.</li> <li>• Wacana masih lengkap.</li> </ul>
<b>MEMUASKAN</b> <b>36 – 50</b>  A - (43 – 50) B - (36 – 42)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea masih relevan mengikut tugasan, huraihan isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai.</li> <li>• Penggunaan pelbagai jenis kata terhad.</li> <li>• Penggunaan kosa kata umum dan terhad.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>• Ayat kurang gramatis.</li> <li>• Laras bahasa kurang sesuai.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.</li> <li>• Pengolahan kurang menarik.</li> <li>• Wacana masih / kurang lengkap.</li> </ul>
<b>KURANG</b> <b>MEMUASKAN</b> <b>21 – 35</b>  A - (28 – 35) B - (21 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraihan tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</li> <li>• Penggunaan kata kurang tepat.</li> <li>• Penggunaan kosa kata umum dan terhad.</li> <li>• Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara.</li> <li>• Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami.</li> <li>• Unsur bahasa tidak bervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.</li> <li>• Pengolahan tidak menarik.</li> <li>• Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.</li> </ul>

PERINGKAT/ MARKAH	KRITERIA
<b>PENCAPAIAN MINIMUM 01 – 20</b>  A - (11 – 20) B - (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / <b>tidak</b> berkembang dan contoh tidak sesuai.</li> <li>• Keseluruhan menunjukkan penggunaan <b>kata</b> dan <b>ayat</b> yang <b>tidak gramatis</b>.</li> <li>• Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara.</li> <li>• Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta <b>tidak</b> menarik.</li> <li>• Pengolahan tidak menarik.</li> <li>• Wacana <b>tidak</b> lengkap dan binaan perenggan <b>tidak</b> seimbang dan <b>tidak</b> sesuai.</li> <li>• Keseluruhan karangan <b>sukar</b> / <b>tidak</b> difahami.</li> </ul>

**Perlu Diberi Perhatian**

1. Adakah calon menjawab tugas? (tema)
2. Adakah idea calon relevan mengikut tugasan?
3. Adakah penggunaan bahasa calon lancar, bervariasi dan mempunyai ungkapan?
4. Pengolahan menarik atau tidak.

## PANDUAN PENULISAN KOMEN PEMERIKSA (MESTI TULIS)

MARKAH YANG DITETAPKAN	KOMEN PEMERIKSA
Cemerlang - 83	T - menjawab tugasan I - relevan, huraian jelas dan matang, contoh sesuai B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat P - sangat menarik dan berkesan
Kepujian - 75	T - menjawab tugasan I - relevan, huraian jelas dan contoh sesuai B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas P - menarik dan berkesan
Baik - 63	T - masih menjawab tugasan I - masih relevan, huraian masih jelas, contoh masih sesuai B - masih gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata umum P - masih menarik
Memuaskan - 46	T - masih menjawab tugasan I - masih relevan, huraian kurang jelas, contoh kurang sesuai B - masih gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata umum dan terhad P - kurang menarik
Kurang memuaskan - 34	T - masih menjawab tugasan I - masih relevan tetapi huraian tidak jelas, contoh tidak sesuai B - tidak gramatis dari segi kata dan ayat P - tidak menarik
Pencapaian minimum - 14	T - tidak menjawab tugasan I - tidak relevan, idea bercampur aduk B - tidak gramatis dari segi kata dan ayat P - tidak menarik

## **Cara Menulis Markah**

- |           |                     |             |
|-----------|---------------------|-------------|
| <b>K</b>  | - Peringkat markah  | (75)        |
| <b>-E</b> | - maksimum 3 markah | - (03)      |
| <b>-F</b> | - maksimum 2 markah | - (02)      |
| <b>J</b>  | - Markah bersih     | <u>(70)</u> |

SOALAN 1

Sempena Minggu Saham Amanah Malaysia, anda telah menyertai pertandingan syarahan peringkat daerah yang bertajuk ‘Faedah-faedah Melabur dalam Saham Amanah’.

Tulis teks syarahan anda itu selengkapnya.

**DIMENSI** : INDIVIDU  
**SKOP** : Pelaburan (Unit 8 Tingkatan 5)

- a) **Format:** Syarahan jika tiada : kata menghadap majlis / kata alu-aluan - 1 markah  
kata sapaan - 1 markah  
penutup - 1 markah  
(maksimum – tolak 2 markah)

b) **Diharapkan calon dapat:**  
- Menulis faedah-faedah melabur dalam saham amanah.

c) **Kemungkinan:**  
i. Jika calon tidak menulis berdasarkan format syarahan walaupun karangan tersebut sangat cemerlang – tidak boleh diberikan markah cemerlang  
**Maksimum Kepujian (66-79)**  
ii. Calon menghuraikan faedah-faedah melabur secara umum – Baik (51-65)  
iii. Calon menghuraikan faedah-faedah menabung – Memuaskan (36-50)

d) **Isi Cadangan:**  
i. Melatih remaja menyimpan sambil melabur / mendidik orang ramai melabur secara kecil-kecilan.  
ii. Menyahut saranan kerajaan supaya berhemah dalam berbelanja.  
iii. Keuntungan saham lebih tinggi daripada simpanan semasa.  
iv. Dapat menangani masalah kewangan / dijadikan simpanan untuk masa depan.  
v. Meningkatkan tahap sosioekonomi yang menyeluruh / mengukuhkan ekonomi negara / mengurangkan inflasi.  
vi. Dapat digunakan sewaktu kecemasan / rawatan kesihatan.  
vii. Dapat memberi pulangan yang lebih menarik / lumayan.  
viii. Dapat memupuk sikap suka berjimat / menabung dalam kalangan orang ramai.  
ix. Dapat dijadikan tabungan / simpanan pendidikan anak-anak.

**SOALAN 2**

Permainan tradisional seperti congkak, gasing, wau dan batu seremban semakin dilupakan oleh generasi muda kini.

Bincangkan sebab-sebab permainan tradisional semakin dilupakan dan langkah-langkah untuk mempopulkarkannya.

**DIMENSI : SEKOLAH & MASYARAKAT**

**SKOP : Pelestarian Budaya Warisan (Unit 12 Tingkatan 5)**

a) **Format :** Tiada

b) **Diharapkan calon dapat:**

- Menulis sebab-sebab permainan tradisional semakin dilupakan dan langkah-langkah mempopulkarkannya dalam kalangan generasi muda.

c) **Kemungkinan:**

- i. Jika calon menulis sebab-sebab dan langkah-langkah tanpa mengaitkan generasi muda. **Kepujian (66-79)**
- ii. Jika calon hanya menulis satu aspek sahaja. **Baik (51-65)**
- iii. Jika calon menggabungkan sebab dan langkah dalam satu perenggan isi.  
– **Baik (51-65)**

d) **Isi Cadangan:**

Sebab-sebab permainan tradisional semakin dilupakan:

- i. Sikap masyarakat / generasi muda yang menganggap permainan tradisional sudah ketinggalan zaman / lapuk / kurang berminat.
- ii. Pengaruh besar oleh permainan teknologi masa kini / gajet.
- iii. Pihak kerajaan / pihak berwajib tidak menunjukkan komitmen tinggi dalam memartabatkan permainan tradisional sebagai khazanah budaya bangsa.
- iv. Pihak bertanggungjawab kurang menganjurkan pertandingan permainan tradisional.
- v. Ibu bapa kurang pengetahuan tentang permainan tradisional / tiada masa / kurang mendedahkan anak-anak dengan permainan tradisional.
- vi. Pihak media kurang mempromosikan permainan tradisional kepada generasi muda/masyarakat.

Langkah-langkah:

- i. Pihak sekolah / kerajaan menyediakan tempat / gelanggang / prasarana / peralatan yang lebih banyak untuk permainan tradisional.
- ii. Pihak sekolah menyediakan jurulatih / fasilitator untuk membimbing para murid.
- iii. Pihak sekolah menjadikan permainan tradisional sebagai salah satu bentuk aktiviti kurikulum / menubuhkan Kelab Permainan Tradisional.
- iv. Ibu bapa memberi pendedahan tentang permainan tradisional kepada anak-anak.
- v. Kerajaan menganjurkan pertandingan permainan tradisional di peringkat antarabangsa.
- vi. Pihak media membuat dokumentari / program televisyen berkaitan dengan permainan tradisional.

Koleksi [www.bmspm.net](http://www.bmspm.net)

**SOALAN 3**

Kerajaan telah berusaha untuk membanteras gejala rasuah, namun amalan ini terus wujud dan mengakibatkan pelbagai impak negatif.

Huraikan kesan-kesan gejala rasuah kepada masyarakat dan negara.

**DIMENSI : MASYARAKAT**

**SKOP : Senario Masyarakat Kita (Unit 1 Tingkatan 4)**

a) **Format:** Tiada

b) **Diharapkan calon dapat:**

- Menjelaskan kesan-kesan gejala rasuah kepada masyarakat dan negara.

c) **Kemungkinan:**

- i. Calon menjelaskan kesan-kesan gejala rasuah kepada masyarakat ATAU negara.  
- Kepujian (66-79)
- ii. Jika calon menghuraikan sebab-sebab gejala rasuah / langkah-langkah menangani rasuah dan kesan-kesan gejala rasuah. – Baik (51-65)
- iii. Calon menjelaskan sebab-sebab gejala rasuah berlaku / langkah-langkah menangani gejala rasuah. – Memuaskan (36-50)

d) **Isi Cadangan** **Koleksi www.bmspm.net**

- i. Rasuah akan merendahkan maruah / harga diri / akhlak seseorang.
- ii. Kehidupan masyarakat akan menjadi tidak harmoni / berlaku jurang sosial yang ketara antara masyarakat yang kaya dengan yang miskin.
- iii. Menghakis kepercayaan orang awam terhadap pentadbiran negara.
- iv. Rasuah akan menggoyah struktur pemerintahan dan pentadbiran sesebuah negara.
- v. Rasuah juga mengganggu perkembangan ekonomi negara.
- vi. Wujudnya ketidakcekapan / salah tadbir dalam pengurusan pentadbiran.
- vii. Pelabur asing tidak berminat untuk melabur dalam negara kerana tadbir urus korporat yang tidak baik.
- viii. Menjejaskan kualiti kerja / produktiviti negara.
- ix. Rasuah juga mengancam keselamatan negara.

**SOALAN 4**

Kestabilan politik di sesebuah negara menyumbang kepada kemajuan ekonomi dan sosial masyarakatnya.

Bincangkan.

**DIMENSI : ANTARABANGSA****SKOP : Kemanusiaan Sejagat (Unit 1 : Bahagian C, Tingkatan 5)**

a) **Format :** Tiada

b) **Diharapkan calon dapat :**

- Membincangkan kesan kestabilan politik kepada kemajuan ekonomi dan sosial masyarakat di sesebuah negara.

c) **Kemungkinan :**

1. Calon membincangkan kesan kestabilan politik kepada satu negara sahaja.  
– diterima dan diperiksa seperti biasa
2. Calon menghuraikan kesan secara umum tanpa mengaitkan dengan kemajuan ekonomi dan sosial masyarakat . – Baik (51 – 65)

d) **Isi cadangan**

Kesan pembangunan ekonomi

1. Pertumbuhan ekonomi negara pesat.
2. Agihan kekayaan dapat dibahagikan sama rata / adil.
3. Peluang pekerjaan meningkat / bertambah.
4. Pelabur asing berminat melabur.
5. Sektor pelancongan dan perindustrian dapat dimajukan.

Kesan sosial

1. Perpaduan antara kaum lebih harmoni / erat.
2. Pembangunan prasarana / infrastruktur pesat.
3. Hubungan antara pemimpin dengan rakyat bertambah erat / Pemimpin mendapat kepercayaan rakyat.
4. Jenayah dapat dikurangkan.
5. Sistem pendidikan dan kesihatan negara lebih maju.

**SOALAN 5**

Filem yang mengangkat nama tokoh-tokoh negara dalam memperjuangkan kemerdekaan tanah air seperti filem *Sarjan Hasan, Bukit Kepong* dan *Hati Malaya 1957* telah mendatangkan pelbagai pengajaran.

Huraikan pengajaran-pengajaran yang diperoleh daripada filem sedemikian.

**DIMENSI :** SASTERA

**SKOP :** Komunikasi Global (Unit 11 Bahagian C, Tingkatan 5)

a) **Format:** Tiada

b) **Diharapkan calon dapat:**

- Menulis pengajaran-pengajaran yang diperoleh daripada filem yang mengangkat nama tokoh-tokoh negara.

c) **Kemungkinan:**

- i. Calon menulis kesan positif / manfaat / faedah yang diperoleh daripada filem yang mengangkat nama tokoh. – **diterima dan diperiksa seperti biasa.**
- ii. Calon menjelaskan pengajaran (menggunakan teknik komsas) - **diterima dan diperiksa seperti biasa.**
- iii. Calon menulis pengajaran menonton filem selain filem yang mengangkat tokoh-tokoh negara dalam perjuangan kemerdekaan negara. Contoh filem komedi, cinta dll – **Kurang Memuaskan (21-35)**

d) **Isi Cadangan:**

- i. Dapat memupuk nilai mengenang jasa / patriotik.
- ii. Dapat melahirkan semangat / mendidik jiwa / patriotisme / rasa cinta akan negara.
- iii. Dapat mengenali dan mengetahui latar belakang tokoh negara dengan lebih dekat.
- iv. Dapat mengetahui dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh tokoh tersebut.
- v. Dapat melahirkan generasi yang mampu mencontohi kepimpinan / keberanian / kewibawaan yang ditunjukkan oleh wira negara.
- vi. Dapat melahirkan masyarakat yang peka akan ancaman daripada anasir-anasir yang mengancam keselamatan negara.
- vii. Dapat memupuk perasaan hormat / percaya masyarakat terhadap pasukan keselamatan.

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

**SULIT**  
1103/2  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 2  
Ogos  
2018  
 $2\frac{1}{2}$  jam



1103/2

## MAKTAB RENDAH SAINS MARA

### PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2018

#### PERATURAN PEMARKAHAN

#### BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

1  
1  
0  
3  
—  
2

**Koleksi [www.bmspm.net](http://www.bmspm.net)**  
UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

#### AMARAN

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa.

Kertas soalan ini mengandungi 25 halaman bercetak.

**PEPERIKSAAN SIJIL PENDIDIKAN  
MAKTAB RENDAH SAINS MARA  
PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 2018**

**Soalan 1 : Rumusan**

Markah penuh 30 dibahagi kepada

- (a) Isi - 20 markah  
 (b) Bahasa - 10 markah

(a) **Isi [20 markah]****Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan  
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
  - nama khas
  - perkataan berganda
  - penggunaan kata sendi di dan ke
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
  - gelaran
- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah Maksimum
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
	Jumlah Markah										20

**Soalan 1 : Rumusan****Pendahuluan [2 markah]**

	<b>Markah</b>
P1 Rumusan ini membincangkan tanggungjawab / fungsi / tugas sekolah memupuk budaya positif dalam kalangan pelajar dan kepentingan budaya positif dalam kehidupan.	2
P2 Petikan membincangkan tanggungjawab / fungsi / tugas sekolah memupuk budaya positif dalam kalangan pelajar dan tujuan asas penubuhan sekolah.	2
P3 Petikan membincangkan tanggungjawab / fungsi / tugas sekolah memupuk budaya positif dalam kalangan pelajar / di Malaysia / di negara kita.	2
P4 Petikan membincangkan tanggungjawab / fungsi / tugas sekolah memupuk budaya positif dan kepentingan budaya positif dalam kehidupan.	1
P5 Petikan membincangkan tanggungjawab / fungsi / tugas sekolah memupuk budaya positif.	1
P6 Petikan membincangkan peranan sekolah memupuk budaya yang seimbang di Malaysia / di negara kita.	1
P7 Rumusan membincangkan tanggungjawab / fungsi / tugas sekolah sebagai memupuk budaya positif di Malaysia / di negara kita.	0

**\*Nota tambahan**

Jika calon menukar perkataan peranan kepada sumbangan / kewajipan - tidak diterima (0 markah)

**Koleksi www.bmspm.net**  
Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

**Peranan sekolah memupuk budaya positif**

S1 mengawal tingkah laku pelajar	2
S2 membentuk personaliti pelajar	2
S3 memenuhi keperluan anggota masyarakat untuk menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran	2
S4 melahirkan pelajar yang berkualiti dan berketerampilan	2
S5 melaksanakan peranan sebagai <i>institusi pembelajaran, sosial dan moral</i> (sekurang-kurangnya 2 daripada 3)	2
S6 mewujudkan suasana pembelajaran yang <b>kondusif dan harmoni</b>	2
S7 wahana untuk merealisasikan matlamat pendidikan ( <i>negara</i> )	2
S8 sebagai institusi penting untuk melahirkan pelajar yang memiliki pemikiran yang <i>kreatif, kritis dan imaginatif</i> (sekurang-kurangnya 2 daripada 3 ciri)	2
S9 sebagai mangkin dan agen perubahan <b>sosial</b>	2
S10 memainkan peranan mengekalkan corak kehidupan dan kebudayaan yang <b>dianggap baik</b>	2
S11 mengajarkan kebudayaan <b>kebangsaan</b>	2

**Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]****Kepentingan budaya positif dalam kehidupan**

- |    |  |   |
|----|--|---|
| T1 | membina keyakinan diri / berakhhlak mulia / bersopan santun / berbudi bahasa / nilai murni (perwatakan yang positif) | 2 |
| T2 | masalah / gejala sosial / tingkah laku negatif dapat dibendung / dikawal / ditangani                                 | 2 |
| T3 | proses pembelajaran berjalan dengan lancar   | 2 |
| T4 | pelaksanaan aktiviti / kurikulum dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan  | 2 |
| T5 | semangat perpaduan / toleransi kaum dapat dipupuk  | 2 |
| T6 | meningkatkan kemahiran komunikasi / interaksi  | 2 |
| T7 | melahirkan pelajar yang lebih berketerampilan  | 2 |

**Nota tambahan**

Jika calon memberi jawapan kepada pertanyaan ini dan mendapat maklumat tambahan tentang pentingnya budaya positif dalam kehidupan, ia boleh diterima.

Contoh: T3 – pencapaian akademik pelajar lebih cemerlang (0 markah)

T5 – masyarakat lebih harmoni (0 markah)

**Kesimpulan [2 markah]**

- |    |  |   |
|----|--|---|
| K1 | Kesimpulannya, semua pihak hendaklah menyokong peranan sekolah memupuk budaya positif supaya dapat melahirkan generasi yang cemerlang pada masa hadapan. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, sekolah berperanan penting memupuk budaya positif agar masyarakat yang cemerlang dapat dilahirkan.  | 2 |
| K3 | Kesimpulannya, sekolah perlu memainkan peranan memupuk budaya positif.   | 2 |
| K4 | Kesimpulannya, pemupukan budaya positif amat penting untuk semua pihak.  | 1 |
| K5 | Kesimpulannya, pemupukan budaya positif.   | 0 |
| K6 | Kesimpulannya, pemupukan budaya positif amat perlu diterapkan.<br><i>(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)</i>                          | 0 |

**NOTA : K4, K5 dan K6 tidak berbentuk cadangan.**

(b) **Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20 15 – 17	9 – 10 7 – 9	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesinambungan isi baik</li> <li>- Struktur ayat / tatabahasa baik</li> <li>- Kosa kata luas</li> <li>- Tanda baca / ejaan baik</li> </ul>
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 – 6	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesinambungan isi masih baik</li> <li>- Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan</li> <li>- Kosa kata masih memuaskan</li> <li>- Tanda bacaan / ejaan juga memuaskan</li> </ul>
Lemah	1 – 7	1 – 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan.

Nota:

Koleksi [www.bmspm.net](http://www.bmspm.net)

- (i) Jika bahasanya baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Maksimum : 10 markah]

**Soalan 2**

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

- Soalan 2 (a) : 9 markah
- Soalan 2 (b) : 9 markah
- Soalan 2 (c) : 8 markah
- Soalan 2 (d) : 9 markah

**Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga Soalan 2 (d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman****1. Soalan 2 markah:**

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan tepat tetapi ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup tetapi ayat gramatis	0
- Jawapan tidak tepat / salah	0

**Koleksi www.bmspm.net****2. Soalan 3 markah:**

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat gramatis	1
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	0

**3. Soalan 4 markah:**

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

### Soalan 2(a) : Petikan Umum

(i) Maksud rangkai kata <i>cara yang konsisten</i>	Markah
- Aturan / kaedah / strategi <b>yang</b> tekal / tetap / teguh / tidak berubah / berterusan	2
- Cara <b>yang</b> tekal / tetap / teguh / tidak berubah / berterusan	1
- Aturan / kaedah / strategi <b>yang</b> konsisten	1

[Maksimum : 2 markah]

(ii) **Tujuan asas penuhan sekolah**

- P1 mendidik para pelajar dengan ilmu pengetahuan yang berlandaskan pelbagai bidang. 1

P2 pembentukan keperibadian pelajar juga merupakan salah satu inti pati penting dalam matlamat penubuhan sekolah. 1

P3 menjadi pusat kecemerlangan pelajar. 1

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isil]

(iii) Cara-cara yang dapat dilakukan oleh pihak sekolah untuk meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam program-program tersebut

- P1 Sekolah mengadakan kempen menggalakkan ibu bapa melibatkan diri dalam program sekolah supaya anak-anak lebih bersemangat menyertai pelbagai aktiviti. [1+1]

P2 Sekolah memberikan pendedahan kepada ibu bapa tentang kelebihan melibatkan diri dalam program sekolah untuk menimbulkan kesedaran mereka bergiat secara aktif. [1+1]

P3 Sekolah menganjurkan lebih banyak seminar / bengkel / kursus berkaitan dengan ilmu keibubapaan agar lebih ramai ibu bapa menyertainya. [1+1]

P4 Sekolah memaparkan kejayaan yang diperoleh apabila menjalankan kerjasama yang baik dengan ibu bapa. [1+1]

P5 Sekolah menghantar surat makluman / jemputan menghadiri program lebih awal supaya ibu bapa boleh mengambil cuti / hadir [1+1]

P6 Sekolah memberikan penghargaan / ganjaran yang menarik / sesuai kepada ibu bapa yang hadir dalam sesuatu program untuk menggalakkan ibu bapa mengekalkan komitmen seterusnya. [1+1]

- P7 Sekolah melantik ibu bapa sebagai fasilitator / AJK program sekolah supaya mereka dapat memberi sumbangan idea / kepakaran / ilmu. [1+1]
- P8 Sekolah bekerjasama dengan Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) menganjurkan program / aktiviti sekolah supaya ibu bapa dapat melihat potensi / perkembangan anak mereka. [1+1]

(Cara lain yang berkaitan boleh diterima.)

(Jika calon mengemukakan isi berserta huraian - isi cukup 2 [1+1])

(Jika calon mengemukakan isi tanpa huraian – isi cukup 3)

[Maksimum : 4 markah]

Koleksi [www.bmspm.net](http://www.bmspm.net)

**Soalan 2(b) : Petikan Cerpen****Markah**

- (i) **Perkara yang dilihat oleh Aiman ketika terapung-apung di bulan**
- |    |                        |   |
|----|------------------------|---|
| P1 | padang pasir yang luas | 1 |
| P2 | kawah besar            | 1 |
| P3 | lurah dalam            | 1 |
| P4 | lurah melebar          | 1 |
| P5 | dataran terhampar      | 1 |
| P6 | gunung-ganang          | 1 |

**[Maksimum : 2 markah]**  
**[Isi cukup : 2 isi]**

- (ii) **Pada pendapat saya, kekangan yang wujud dalam menggunakan sumber alternatif ialah**

- |    |  |   |
|----|--|---|
| P1 | tahap teknologi yang rendah                      | 1 |
| P2 | modal yang besar                                 | 1 |
| P3 | kekurangan tenaga pakar                          | 1 |
| P4 | saiz pasaran yang kecil                          | 1 |
| P5 | tahap pengetahuan yang rendah / kurang kesedaran | 1 |
| P6 | keadaan cuaca yang tidak menentu                 | 1 |

**[Maksimum : 3 markah]**  
**[Isi cukup : 2 isi]**

- (iii) **Pengajaran dalam petikan :-**

- P1 **Kita hendaklah mempunyai pengetahuan tentang alam supaya dapat menghargai / mensyukuri ciptaan Tuhan**

Contoh : Aiman banyak mengetahui tentang alam semasa dia terapung-apung di angkasa.

[1+1]

- P2 **Kita hendaklah menggunakan tenaga secara efisien supaya tidak berlaku pembaziran.**

Contoh : Aiman berfikir tentang matahari sebagai tenaga gantian kepada petrol dan diesel.

[1+1]

- P3 **Kita hendaklah bijak / kreatif dan inovatif dalam menghasilkan tenaga baharu supaya sumber alam dapat dimanfaatkan sepenuhnya.**

Contoh : Aiman berfikir tentang matahari sebagai tenaga gantian kepada petrol dan diesel.

[1+1]

**Nota:**

**Terima isi yang ada dalam senarai di atas sahaja**

**Pengajaran dalam keseluruhan cerpen :-**

**K1 Kita mestilah bertindak secara rasional agar tidak menyusahkan orang lain.**

Contoh : Guru Aiman menasihatinya supaya duduk di kerusi dan tidak merayau-rayau serta mengganggu orang lain. [1+1]

**K2 Kita hendaklah menyayangi ahli keluarga agar kehidupan keluarga menjadi lebih harmoni.**

Contoh : ibu Aiman sedih apabila melihat Aiman dirotan oleh ayahnya.

**K3 Kita janganlah bersikap angkuh akan kelebihan yang dimiliki agar tidak dipandang rendah.** [1+1]

Contoh : sikap Aiman yang angkuh dengan kepandaianya berbanding adik-beradiknya yang lain tidak wajar dicontohi. [1+1]

**(Pengajaran lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[Maksimum : 2 markah]  
[Isi cukup : 2 isi (P+K)]

P: Petikan

K: Keseluruhan

**Soalan 2(c) : Petikan Prosa Tradisional** **Markah**

- |     |   |   |
|-----|---|---|
| (i) | <b>maksud firasat patik</b>   |   |
|     | - ramalan / telahan / hemat / pengamatan / dugaan / agakan / sangkaan / jangkaan Laksamana    | 2 |
|     | - firasat Laksamana   | 1 |
|     | - ramalan / telahan / hemat / pengamatan / dugaan / agakan / sangkaan / jangkaan patik / saya | 1 |
|     | - ramalan / telahan / hemat / pengamatan / dugaan / agakan / sangkaan / jangkaan hamba        | 0 |

[Maksimum : 2 markah]

- (ii) **Strategi yang dirancang oleh Laksamana bagi memastikan istana selamat daripada penjurit**

- |    |   |   |
|----|---|---|
| P1 | <b>menyuruh membawa</b> segala senjata yang banyak-banyak/ lembing, tombak dan kayu | 1 |
| P2 | <b>diatur</b> oleh Laksamana berkeliling istana itu                                 | 1 |
| P3 | <b>dibubuhnya / diletakkan</b> suatu hikmat   | 1 |

[Maksimum : 3 markah]  
[Isi cukup : 2 isi]

(iii) **Peranan pasukan keselamatan negara dalam menjaga keamanan negara**

- |    |   |   |
|----|---|---|
| P1 | menyekat fahaman negatif yang boleh mengganggu / menggugat ketenteraman awam atau menimbulkan kacau-bilau | 1 |
| P2 | memastikan kadar jenayah dalam negara terkawal  | 1 |
| P3 | menjaga perairan / udara / sempadan negara daripada pencerobohan  | 1 |
| P4 | sentiasa bersiap siaga menghadapi segala ancaman dari dalam atau luar negara                              | 1 |

**(Isi lain boleh diterima sekiranya sesuai)****[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]****Soalan 2(d) : Puisi Tradisional (Seloka)**

- |     |  |               |
|-----|--|---------------|
| (i) | <b>Tindakan Pawang Raja sebaik-baik sahaja dititahkan membuat istana</b> | <b>Markah</b> |
| P1  | mengerahkan orang bekerja  | 1             |
| P2  | 44 orang tukang mahir ditugaskan   | 1             |
| P3  | bekerja siang dan malam tanpa henti                                      | 1             |

**[Maksimum : 2 markah]****Koleksi www.bmspm.net****[Isi cukup : 2 isi]**

- (ii) **Pada pendapat saya, usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk memastikan pembinaan sesebuah bangunan dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan**

- |    |   |   |
|----|---|---|
| P1 | melantik kontraktor yang mempunyai kepakaran / berpengalaman          | 1 |
| P2 | mengupah ramai tenaga kerja / buruh mahir                             | 1 |
| P3 | memastikan pembinaan dibuat semasa cuaca yang baik                    | 1 |
| P4 | menggunakan peralatan yang moden                                      | 1 |
| P5 | memastikan bahan binaan yang mencukupi / berkualiti                   | 1 |
| P6 | memastikan kerja pembinaan mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan | 1 |

**[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]**

- (iii) **Dua nilai murni yang terdapat dalam seloka tersebut**

**P1 Nilai kerajinan**

Contoh : 44 tukang yang mahir begitu rajin menyiapkan istana raja [1+1]

**P2 Nilai tanggungjawab / bertanggungjawab**

Contoh : 44 tukang yang mahir bertanggungjawab menyiapkan istana raja

[1+1]

**P3 Nilai ketaatan / kepatuhan / kesetiaan**

Contoh : orang besar keempat taat menjunjung titah raja untuk membina dan menyiapkan sebuah istana yang dikelilingi parit dan tembok [1+1]

**P4 Nilai kegigihan**

Contoh : 44 tukang yang mahir gigih menyiapkan istana siang dan malam [1+1]

**P5 Nilai kerjasama / bekerjasama / tolong-menolong**

Contoh : 44 tukang yang mahir bekerjasama membina istana raja [1+1]

**(Nilai lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup : 2 isi]**

**Koleksi [www.bmspm.net](http://www.bmspm.net)**

**Soalan 3**

Markah penuh dibahagikan kepada

Soalan 3(a) : 6 markah

Soalan 3(b) : 6 markah

Soalan 3(c) : 6 markah

Soalan 3(d) : 6 markah

Soalan 3(e) : 6 markah

**Perhatian bagi soalan 3(a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi ayat tersebut.

**Jawapan 3(a)**

(i)

**swafoto**

Koleksi www.bmspm.net

Mengambil gambar foto dengan usaha sendiri menggunakan kamera telefon pintar atau kamera digital.

(ii)

**tetikus**

- Peranti input komputer yang digunakan sebagai penunjuk untuk mengawal kurSOR dan untuk memilih objek.

(iii)

**tular**

- Membiasakan atau menjangkit (penyakit, benih penyakit): penyakit itu mudah ~;
- Merebak ke merata-rata (sesuatu yang kurang baik), menjalar: apabila sikap acuh tak acuh ~ kepada seluruh masyarakat, apa-apa rancangan pun tidak akan mendapat sambutan.

(iv)

**cakera padat**

- Sejenis cakera magnetik yang mempunyai ketumpatan perakaman yang tinggi, dengan storan yang lebih besar.

## (v) dalam talian

- keadaan kelengkapan atau peranti komputer di bawah kawalan sistem utama komputer.
- perihal bolehnya pengguna berinteraksi secara langsung dengan menggunakan komputer.

## (vi) muat turun

- tindakan memindahkan fail atau data dari komputer pusat ke komputer pengguna melalui talian rangkaian.

**[6 markah]****Jawapan 3(b)****Cakap ajuk kepada cakap pindah**

- (i) Ayuni menasihati Sarah supaya tidak makan makanan yang mengandungi lemak yang banyak. (*kerana*) dibimbangi Sarah akan mendapat penyakit / jatuh sakit.
- (ii) Muazzam menyatakan janjinya bahawa dia tidak akan berbuat jahat lagi. Dia juga menyatakan bahawa dia akan mematuhi semua peraturan sekolah.
- (iii) Dengan perasaan takut / dalam ketakutan Alia menjerit sambil menyebut lipas berkali-kali. Alia / Dia memberitahu bahawa terdapat lipas di atas meja.

**Koleksi www.bmspm.net****[6 markah]****Jawapan 3(c)****Kesalahan ejaan dan imbuhan**

- |       |                         |   |                           |
|-------|-------------------------|---|---------------------------|
| (i)   | rekabentuk<br>diadakan  | - | reka bentuk<br>berada     |
| (ii)  | meminimakan<br>menambah | - | meminimumkan<br>bertambah |
| (iii) | monogeraf<br>pengajian  | - | monograf<br>kajian        |

**[6 markah]**

**Jawapan 3(d)****Kesalahan kata atau istilah dan tatabahasa**

- |                                      |   |   |
|--------------------------------------|---|---|
| (i) terjatuh<br>di                   | - | terjebak / terlibat / terjerumus<br>pada      |
| (ii) di dalam<br>kecergasan          | - | dalam<br>kecerdasan                           |
| (iii) semua khemah-khemah<br>digigit | - | semua khemah<br>dikerit / dikerikit / dikerip |

**[6 markah]****Jawapan 3(e)****Peribahasa**

- |   |   |
|---|---|
| (i) bagai pinang dibelah dua / seperti cincin terlekat di jari / seperti tanduk<br>bersendi gading / seperti dakwat dengan kertas / laksana bulan dengan matahari/<br>seperti susu dengan sakar | 2 |
| (ii) mencurah air ke daun keladi / seperti hujan jatuh ke pasir   | 2 |
| (iii) ke bukit sama didaki ke luaran sama dituruni / berat sama dipikul ringan sama<br>dijinjing  | 2 |

**[Maksimum : 6 markah]**

**Soalan 4 : Novel****Markah penuh 15 markah****Panduan pemarkahan bagi Soalan 4**

- (a) (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (iii) Beri 1 markah bagi setiap **pengajaran** yang betul / tepat.
- (iv) Beri 1 markah bagi setiap huraian / penjelasan / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap pengajaran.
- (v) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap pengajaran).
- (vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.
- (vii) Markah bahasa diberikan secara *impression*.
- |           |            |
|-----------|------------|
| Baik      | : 3 markah |
| Sederhana | : 2 markah |
| Lemah     | : 1 markah |
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
- (ix) Calon yang tidak menjawab 0 markah.

**[Maksimum : 7 markah]**

- (b) (i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (iii) Beri 2 markah untuk satu peristiwa yang menarik yang betul / tepat.
- (iv) Beri 1 markah bagi setiap sebab yang betul / tepat.
- (v) Markah isi, maksimum 6 markah.
- (vi) Markah bahasa, maksimum 2 markah.
- (vii) Markah bahasa diberikan secara *impression*.
- |       |            |
|-------|------------|
| Baik  | : 2 markah |
| Lemah | : 1 markah |
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (ix) Calon yang tidak menjawab, 0 markah.

**[Maksimum : 8 markah]**

**4 (a) Dua pengajaran yang berjaya diketengahkan oleh pengarang**

Novel	Pengajaran (1m)	Huraian (1m)
<b>Leftenan Adnan Wira Bangsa</b>	Kita hendaklah sayang akan tanah air agar menjadi warganegara yang berjiwa patriotik.	Leftenan Adnan yang bertugas sebagai guru sanggup meninggal kerjaya untuk memasuki bidang ketenteraan demi cinta akan tanah air.
	Kita perlu berani dalam menentang musuh agar dapat mempertahankan kedaulatan negara.	Kompeni C askar Melayu berani berjuang menentang tentera Jepun sehingga ke titisan darah terakhir walaupun dalam jumlah yang sedikit dan kehabisan peluru.
	Kita wajar bekerjasama dalam menjaga keselamatan masyarakat setempat agar keamanan dapat dipertahankan.	Penduduk kampung bekerjasama untuk tidak memberi maklumat kepada tentera Jepun yang mencari isteri dan anak-anak Leftenan Adnan di Kampung Sungai Ramal.
	Kita mesti bijak menggunakan akal fikiran agar dapat berhadapan dengan situasi yang genting.	Leftenan Adnan bijak mengesan helah tentera Jepun yang menyamar sebagai tentera India yang memakai turban ketika menyerang askar Melayu di Pasir Panjang.

Novel	Pengajaran (1m)	Huraian (1m)
<b>Tirani</b>	Kita hendaklah menyayangi ahli keluarga sendiri untuk mengeratkan hubungan antara ahli keluarga.	Raidah amat menyayangi anaknya, Waheeda. Dia sanggup pergi ke Singapura semata-mata untuk menemani anak gadisnya itu menjalani pembedahan mata dan hidung di Silicon Medical Center, Singapura.
	Kita mestilah gigih dalam mengusahakan perniagaan demi memperoleh keuntungan.	Waheeda gigih mengusaha Chalet Tajau Emas untuk kemudahan penginapan para pelancong dengan sanggup membuat pinjaman daripada tabung usahawan siswazah Bank Pembangunan melalui Program Kemajuan Luar Bandar Sarawak.
	Kita mestilah sabar menghadapi masalah rumah tangga agar kerukunan rumah tangga dapat dipertahankan.	Waheeda begitu sabar berhadapan dengan sikap cemburu buta, panas baran, dan kata-kata fitnah daripada suaminya, Zahid terhadap dirinya dan anak perempuan mereka, Izzati.
	Kita mestilah bijak berikhtiar agar masalah dapat diatasi.	Waheeda bijak mengatasi masalah kemurungan yang dialaminya dengan mendapatkan rawatan dan khidmat kaunseling daripada Dr Qamariah di Pusat Rawatan Islam, Kuala Lumpur.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

Novel	Pengajaran (1m)	Huraian (1m)
Di Sebalik Dinara	Kita hendaklah menyayangi sesama insan supaya dapat menjalani kehidupan yang bahagia.	Walaupun Azraai tahu hanya anak angkat dalam keluarganya, dia sangat sayang akan adiknya itu. Dia selalu mengambil berat dan memantau pergerakan adiknya.
	Kita hendaklah sabar menghadapi tekanan dalam hidup dan cuba berusaha untuk menyelesaikan masalah yang timbul.	Marilyn @ Medina sentiasa sabar meneruskan kehidupannya walaupun ramai orang menggelarkannya wanita gila. Selain itu, dia juga sabar mencari anaknya hilang.
	Kita mestilah bertanggungjawab dengan memastikan keselamatan diri terutamanya ahli keluarga kita.	Aqram Dr Maxi Khairul Anuar sangat bertanggungjawab untuk mencari Farisha dan menyelesaikan masalah dalam Dinara. Mereka selalu berbincang untuk kepentingan Dinara.

Novel	Pengajaran (1m)	Huraian (1m)
Silir Daksina	Kita hendaklah berusaha gigih dalam menyelesaikan permasalahan agar dapat mengetahui jawapan yang sebenar.	Haiqal berusaha untuk mengetahui sejarah kehidupan ayah kandungnya yang terpisah sejak kecil setelah mendapat manuskrip yang dikirimkan oleh Ong See Hwa.
	Kita hendaklah menyayangi antara satu sama lain agar hubungan antara keluarga akan terjalin erat.	Abdullah Kayan terlalu sayang akan anaknya Haiqal yang dipisahkan oleh isterinya sehingga dia sentiasa merindukannya dan menghasilkan manuskrip cerita tentang perasaan rindu kepada anaknya.
	Kita hendaklah mengamalkan sikap kerjasama agar segala aktiviti yang dilakukan bersama dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.	Penduduk Kampung Seri Purnama sentiasa bekerjasama menjayakan setiap aktiviti dan acara yang dijalankan di kampung tersebut seperti majlis sambutan Hari Kemerdekaan peringkat mukim di situ.
	Kita hendaklah menjaga hubungan baik antara dua bangsa walaupun berbeza kebudayaan agar perpaduan dapat dikecapi.	Hubungan Tauke Lim dengan Amirulnizam dan penduduk kampung begitu baik walaupun mereka berlainan bangsa.

Novel	Pengajaran (1m)	Huraian (1m)
Jendela Menghadap Jalan	Kita hendaklah prihatin terhadap masalah yang berlaku di sekeliling kita supaya masalah tersebut dapat diselesaikan dengan baik.	Lili begitu prihatin dengan nasib yang dihadapi oleh Che Jah. Walaupun Haziq dan Rafiq pernah menculiknya tetapi Lili memaafkan tindakan mereka kerana beranggapan keluarga tersebut memerlukan bantuan pemulihan.
	Kita hendaklah bijak memanfaatkan sumber hutan supaya dapat memberi faedah/kebaikan kepada masyarakat.	Datuk mengenali semua herba yang boleh dijadikan ubat-ubatan dan datuk juga selalu masuk ke hutan untuk mencari akar-akar kayu bagi dibuat ubat.
	Kita perlulah mengekalkan keharmonian dan semangat muhibah dalam hubungan bermasyarakat supaya kehidupan akan menjadi lebih aman.	Masyarakat kampung hidup aman dan damai. Contohnya keluarga Geetha dan Lili yang mempunyai hubungan yang sangat mesra dan rapat.
	Kita hendaklah memupuk perasan bertanggungjawab terhadap ahli keluarga supaya kehidupan anak-anak lebih sejahtera.	Seman suami Che Jah seorang yang suka berjudi, berhutang dan minum arak telah menyebabkan rumah tangga Che Jah berantakan.
Songket Berbenang Emas	Kita hendaklah gigih menuntut ilmu agar mendapat kejayaan dalam pelajaran.	Dahlia tetap mengutamakan pelajarannya dengan meminjam nota daripada Kavita dan Siti Wangi walaupun terpaksa membantu ayahnya menguruskan rumah tangga setelah ibunya di hantar ke hospital untuk menerima rawatan.
	Kita hendaklah berani bertindak dalam menghadapi situasi yang bahaya agar keselamatan diri dan keluarga terjamin.	Embong berjaya mengalahkan ular sawa yang cuba membelitnya sewaktu dia hendak membersihkan ladang kelapa sawit.
	Kita haruslah insaf akan kesalahan yang telah dilakukan agar kehidupan menjadi lebih tenang.	Nek Kiah akhirnya insaf setelah Dahlia yang selama ini dibencinya telah menjaga dan merawatnya ketika terlantar sakit.
	Kita haruslah hidup dengan saling membantu dalam menyelesaikan masalah agar segala kesulitan/kesusahan dapat diatasi.	Kavita membantu Dahlia mengulang kaji pelajaran dengan memberikan nota pelajaran sepanjang ketidakhadirannya ke sekolah.
	Kita haruslah sedar akan kepentingan ilmu dalam kehidupan agar masa hadapan menjadi lebih terjamin.	Embong amat mementingkan pelajaran dan sering menasihatkan anak-anaknya agar belajar bersungguh-sungguh. Embong mengharapkan anak-anaknya dapat mengubah taraf hidup keluarga setelah berjaya dalam pelajaran mereka nanti.

Novel	Pengajaran (1m)	Huraian (1m)
Pantai Kasih	Kita hendaklah mempunyai matlamat hidup agar berjaya dalam kehidupan.	Raiha berjaya menjadi seorang pakar bedah setelah belajar bersungguh-sungguh dalam pelajaran. Walaupun cita-cita Raiha untuk menjadi pakar bedah tidak direstui tetapi dengan matlamat hidup yang jelas. Akhirnya dia berjaya.
	Kita hendaklah prihatin terhadap kesusahan orang lain agar diri mereka tidak ditindas.	Bukan semua orang mampu untuk membayar sejumlah wang apatah lagi setelah dijanjikan untuk menerima rawatan yang terbaik. Ibu Unong Siron tidak lokek untuk membelanjakan wang insurans anaknya demi melihat anaknya kembali lincah dan sihat.
	Kita hendaklah berani mengaku kesalahan agar hubungan persahabatan dapat dikekalkan.	Felicia mengakui kesalahannya walaupun pada peringkat awal dia berasa marah dengan emak Unong Siron yang menuduhnya bersubahat menipu namun akhirnya Felicia mengakui kesalahan itu di hadapan Raiha.
	Kita hendaklah tabah menghadapi kesukaran hidup agar dapat mengecapi kejayaan.	Raiha tabah menghadapi dugaan dan kesukaran hidup. Walaupun ditentang oleh ayahnya, Raiha tetap jarah dan belajar bersungguh-sungguh sehingga dia menjadi pakar bedah di Pusat Rawatan Pantai kasih.
	Kita hendaklah tekun belajar untuk menjamin masa depan yang lebih cerah.	Raiha tekun belajar untuk mencapai cita-citanya sebagai pakar bedah seperti ayahnya. Walaupun ditentang oleh ayahnya, Raiha mempunyai matlamat hidup dan belajar dengan tekun hingga cita-citanya sebagai pakar bedah tercapai.

Novel	Pengajaran (1m)	Huraian (1m)
Bima Sakti Menari	Kita hendaklah bijak dalam menangani masalah agar segala permasalahan dapat diselesaikan.	Nurul Hafsa mengemukakan hujah bijak yang dapat diterima oleh kumpulan pengunjung Balai Cerap Sultan Salahuddin, Kuala Selangor pada malam bintang tidak dapat dicerap dengan mata kasar.
	Kita sebagai ibu seharusnya menjaga hubungan kasih sayang dengan anak agar kebajikan anak tidak terabai.	Puan Wickham tetap mengambil berat tentang projek Ikhtiar TeknoAlam yang diusahakan anaknya Muhammad Taufik walaupun mereka jarang-jarang dan sukar untuk bertemu.
	Kita hendaklah cinta akan alam sekitar agar kerosakan di bumi tidak terus dilakukan.	Budiman dan adiknya sama-sama prihatin terhadap pencemaran cahaya yang berlaku di Kuala Selangor dan berazam untuk menyelamatkan Kuala Selangor daripada pencemaran akibat pembangunan yang tidak terancang.
	Kita haruslah taat kepada ajaran agama agar hidup diberkati.	Budiman menemani Nurul Hafsa ketika berbincang dengan Muhammad Taufik di bilik tutorial di Perpustakaan Awam Sultan Syarafuddin, Kuala Selangor kerana mereka bukan mahram.
	Kita tidak seharusnya mempunyai perasaan dendam supaya dapat mengelakkan permusuhan berlaku.	Johan Arlington Majid menaruh dendam yang tidak pernah padam terhadap Tan Sri Muhamimin berpunca daripada Maryam Wickham memilih Tan Sri Muhamimin sebagai suami sehingga membawa kepada kes penculikan anak mereka, iaitu Muhammad Taufik.

**4 (b) Satu peristiwa yang menarik perhatian anda.**

NOVEL	PERISTIWA DAN HURAIAN (2M)	SEBAB MENARIK (1M)
Leftenan Adnan Wira Bangsa	<p><b>Peristiwa</b> pergaduhan antara Adnan dengan Budin.</p> <p>Huraian: Budin telah mencabar Adnan untuk bertarung satu lawan satu. Adnan bersetuju dengan cabaran Budin tersebut bagi mewakili maruah kampungnya tetapi mereka tidak meneruskan pertarungan itu.</p>	<p>Peristiwa ini dikatakan menarik kerana melihatkan sikap Adnan dan Budin yang masih lagi rasional kerana tidak meneruskan pertarungan mereka yang sebenarnya merugikan diri mereka sendiri.</p>
	<p><b>Peristiwa</b> Leftenan menyedari helah musuh.</p> <p>Huraian: Ketika pertempuran di Bukit Candu, Lt. Adnan dan anggotanya menyedari helah tentera Jepun yang menyamar diri sebagai tentera Sikh.</p>	<p>Peristiwa ini dikatakan menarik kerana melihatkan kebijaksanaan Leftenan Adnan mengenal taktik / helah tentera Jepun sebagai tentera Sikh dalam melakukan serangan.</p>
TIRANI	<p><b>Peristiwa</b> Waheeda membeli chalet yang hampir muflis.</p> <p>Huraian: Waheeda telah membeli Chalet Iwana-Iwani yang hampir muflis daripada pakcik Abdul Aziz dan menukarkan nama chalet itu dengan nama Aya-Sajinah.</p> <p><b>Peristiwa</b> pertemuan semula Zahid dengan anaknya, Izzati.</p> <p>Huraian: Ketika di Chalet Aya-Sajinah, Zahid mengetahui bahawa pengurus di situ iaitu Izzati merupakan anak kandungnya dengan bekas isterinya.</p>	<p>Peristiwa ini dikatakan menarik kerana melihatkan kegigihan dan ketabahan Waheeda yang bangkit daripada keruntuhan rumah tangga dan telah menjadi usahawan yang berjaya.</p> <p>Peristiwa ini dikatakan menarik kerana Zahid berasa menyesal atas perbuatannya yang menceraikan Waheeda dan tidak mengaku Izzati itu ialah anak kandungnya setelah berpisah 20 tahun yang lalu.</p>

<b>DI SEBALIK DINARA</b>	<b>Peristiwa kegagalan Farisha membuka rumahnya.</b>  Huraian: Farisha yang baru sampai ke apartmentnya telah cuba membuka pintu dengan mengimbas kad pintarnya namun gagal. Rupa-rupanya, abang Farisha, Azraai telah memasang sistem keselamatan rumahnya yang baharu berdasarkan pengimbasan retina mata.	Peristiwa ini dikatakan menarik kerana kebijaksanaan Azraai memanfaatkan sistem teknologi dalam sistem keselamatan rumah.
	<b>Peristiwa pembentangan tentang IT oleh Alia.</b>  Huraian: Farisha telah bertugas di Soft Lab pada hari pertama dan telah di sambut oleh Alia. Alia membawa Farisha ke pejabat dan menerangkan penggunaan alatan di pejabat tersebut dengan lancar, tenang dan fasih.	Peristiwa ini dikatakan menarik kerana memperlihatkan kepetahan Alia menerangkan penggunaan alatan dengan gaya yang sangat meyakinkan tanpa ada kesilapan.
<b>SILIR DAKSINA</b>	<b>Peristiwa Haiqal menerima sebuah manuskrip.</b>  Huraian: Haiqal telah menerima sebuah manuskrip yang bertaip dan tidak siap daripada pengirim yang tidak dikenalinya. Setelah membaca manuskrip tersebut tercetus keinginannya untuk ke tanah Daksina untuk mengetahui kehidupan sebenar ayahnya, Abdullah bin Kayan	Peristiwa ini dianggap menarik kerana Haiqal mendapat ilham untuk mengetahui kehidupan sebenar arwah ayahnya yang tidak ditemui sejak lahir.
	<b>Peristiwa persembahan tarian zapin.</b>  Huraian: Pasangan Haiqal untuk tarian Zapin iaitu Lazim telah mendapat kemalangan jalan raya dan tidak menari pada malam itu. Penyelesaiannya, See Hwa telah bersetuju untuk menggantikan tempat Lazim.	Peristiwa ini menarik perhatian kerana See Hwa seorang yang berbangsa Cina mampu menari zapin dengan baik dan sanggup menggantikan Lazim.

<b>JENDELA MENGHADAP JALAN</b>	<b>Peristiwa datuk Lili berjaya menyembuhkan ibu Geetha.</b>  Huraian: Geetha telah memaklumkan kepada Lili bahawa datuknya telah berjaya menyembuhkan ibunya Letchumi yang sakit dengan menggunakan herba / rawatan tradisional.	Peristiwa ini menarik kerana sesuatu penyakit itu boleh sembah walaupun dirawat secara perubatan tradisional.
	<b>Peristiwa penculikan Lili.</b>  Huraian : Lili telah diculik oleh anak-anak Che Jah yang merupakan penagih dadah dan telah dikurung di sebuah rumah usang berlantaikan buluh. Namun akhirnya dia berjaya diselamatkan oleh Danel.	Peristiwa ini menarik kerana keberanian Danel yang mahu menyelamatkan Lili walaupun mereka baru mengenali antara satu sama lain.
<b>SONGKET BERBENANG EMAS</b>	<b>Peristiwa Saleha yang sembah daripada penyakitnya.</b>  Huraian: Saleha menghadapi masalah kesihatan dan dianggap tidak waras oleh orang lain. Namun demikian, apabila Abu Bakar menjumpai bungkusan yang ditanam di bawah rumah mereka, akhirnya kesihatan Saleha semakin sembah.	Peristiwa ini menarik kerana keadaan kesihatan Saleha yang semakin pulih telah membawa sinar kebahagiaan dalam keluarga Embong.
	<b>Peristiwa keinsafan Nek Kiah dan penerimaan semula keluarga Embong.</b>  Huraian: Nek Kiah sentiasa mencaci dan menghina keluarga Embong. Namun ketika Nek Kiah sakit, dia mula menyedari kesilapannya.	Peristiwa ini menarik kerana kebaikan yang ditunjukkan oleh Dahlia dan adik-beradiknya ketika menjaga Nek Kiah yang sakit berakhir dengan kegembiraan.

PANTAI KASIH	<p><b>Peristiwa pertikaian komplikasi yang berlaku ke atas Unong Siron oleh Doktor Raiha.</b></p> <p>Huraian: Doktor Raiha telah mempertikaikan masalah ini di hadapan Doktor Uwang.</p> <p><b>Peristiwa Doktor Raiha mlarikan anaknya, Rahayu.</b></p> <p>Huraian: Raiha telah membawa lari anaknya, Rahayu ke rumah tumpangan untuk diselamatkan daripada dihantar ke pusat pemulihan.</p>	<p>Peristiwa ini dianggap menarik kerana telah menunjukkan seorang murid mencabar kewibawaan gurunya, Doktor Uwang.</p>
BIMA SAKTI MENARI	<p><b>Peristiwa penculikan Muhammad Taufik demi menyelamatkan Nurul Hafsa.</b></p> <p>Huraian: Taufik telah diculik oleh konco-konco Datuk Johan Alington-Majid ketika di stesen Petronas. Dia telah di bawa ke satu tempat demi menyelamatkan Nurul Hafsa.</p> <p><b>Peristiwa Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa membuat pembentangan Projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor.</b></p> <p>Huraian: Nurul Hafsa telah membuat pembentangan tentang Projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor kepada Menteri Besar dan panel penilai. Dalam pembentangan tersebut, Nurul Hafsa telah berjaya menyanggah setiap persoalan dan pertikaian Johan Arlington.</p>	<p>Peristiwa ini dianggap menarik kerana menunjukkan sikap keprihatinan dan tanggungjawab seorang rakan terhadap rakannya.</p> <p>Peristiwa ini dianggap menarik kerana memperlihatkan kebijaksanaan Nurul Hafsa untuk menyanggah segala persoalan yang dikemukakan.</p>

#### PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

Koleksi www.bmspm.net	
1. Diketahui $\frac{1}{x} + \frac{1}{y} = 1$ . Jika $x > 0$ dan $y > 0$ , maka nilai maksimum dari $xy$ adalah ...	2. Diketahui $\frac{1}{x} + \frac{1}{y} = 1$ . Jika $x > 0$ dan $y > 0$ , maka nilai minimum dari $xy$ adalah ...
3. Diketahui $\frac{1}{x} + \frac{1}{y} = 1$ . Jika $x > 0$ dan $y > 0$ , maka nilai maksimum dari $x^2y^2$ adalah ...	4. Diketahui $\frac{1}{x} + \frac{1}{y} = 1$ . Jika $x > 0$ dan $y > 0$ , maka nilai minimum dari $x^2y^2$ adalah ...
5. Diketahui $\frac{1}{x} + \frac{1}{y} = 1$ . Jika $x > 0$ dan $y > 0$ , maka nilai maksimum dari $x^3y^3$ adalah ...	6. Diketahui $\frac{1}{x} + \frac{1}{y} = 1$ . Jika $x > 0$ dan $y > 0$ , maka nilai minimum dari $x^3y^3$ adalah ...
7. Diketahui $\frac{1}{x} + \frac{1}{y} = 1$ . Jika $x > 0$ dan $y > 0$ , maka nilai maksimum dari $x^4y^4$ adalah ...	8. Diketahui $\frac{1}{x} + \frac{1}{y} = 1$ . Jika $x > 0$ dan $y > 0$ , maka nilai minimum dari $x^4y^4$ adalah ...
9. Diketahui $\frac{1}{x} + \frac{1}{y} = 1$ . Jika $x > 0$ dan $y > 0$ , maka nilai maksimum dari $x^5y^5$ adalah ...	10. Diketahui $\frac{1}{x} + \frac{1}{y} = 1$ . Jika $x > 0$ dan $y > 0$ , maka nilai minimum dari $x^5y^5$ adalah ...
11. Diketahui $\frac{1}{x} + \frac{1}{y} = 1$ . Jika $x > 0$ dan $y > 0$ , maka nilai maksimum dari $x^6y^6$ adalah ...	12. Diketahui $\frac{1}{x} + \frac{1}{y} = 1$ . Jika $x > 0$ dan $y > 0$ , maka nilai minimum dari $x^6y^6$ adalah ...
13. Diketahui $\frac{1}{x} + \frac{1}{y} = 1$ . Jika $x > 0$ dan $y > 0$ , maka nilai maksimum dari $x^7y^7$ adalah ...	14. Diketahui $\frac{1}{x} + \frac{1}{y} = 1$ . Jika $x > 0$ dan $y > 0$ , maka nilai minimum dari $x^7y^7$ adalah ...
15. Diketahui $\frac{1}{x} + \frac{1}{y} = 1$ . Jika $x > 0$ dan $y > 0$ , maka nilai maksimum dari $x^8y^8$ adalah ...	16. Diketahui $\frac{1}{x} + \frac{1}{y} = 1$ . Jika $x > 0$ dan $y > 0$ , maka nilai minimum dari $x^8y^8$ adalah ...
17. Diketahui $\frac{1}{x} + \frac{1}{y} = 1$ . Jika $x > 0$ dan $y > 0$ , maka nilai maksimum dari $x^9y^9$ adalah ...	18. Diketahui $\frac{1}{x} + \frac{1}{y} = 1$ . Jika $x > 0$ dan $y > 0$ , maka nilai minimum dari $x^9y^9$ adalah ...
19. Diketahui $\frac{1}{x} + \frac{1}{y} = 1$ . Jika $x > 0$ dan $y > 0$ , maka nilai maksimum dari $x^{10}y^{10}$ adalah ...	20. Diketahui $\frac{1}{x} + \frac{1}{y} = 1$ . Jika $x > 0$ dan $y > 0$ , maka nilai minimum dari $x^{10}y^{10}$ adalah ...

## Koleksi www.bmspm.net